



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 16 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	STRATEGI SEKURITI MAKANAN NEGARA, NASIONAL, SH -21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	NELAYAN HILANG DIPERCAYAI JATUH LAUT, SINAR NEGERI KELANTAN/KEDAH, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	MAQIS RAMPAS TUJUH KILOGRAM PRODUK TENUSU BERNILAI RM3,190.45, SINAR NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	SARAWAK PERKASA SEKTOR PERTANIAN, BORNEO, HAKAKAH -N28 FORMER MINISTER SAIFUDDIN ASKS PUTRAJAYA IF IT WILL END BERNAS MONOPOLY, MALAY MAIL -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Strategi sekuriti makanan negara

Jawatankuasa
Eksekutif Mengenai
Dasar Sekuriti
Makanan Negara

Oleh **TUAN BUQHAI RAH
TUAN MUHAMAD ANAN**

KUALA-LUMPUR

Buat julung kalinya, Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara memulakan mesyuaratnya semalam bagi membincangkan aspek tadbir urus jawatankuasa berkenaan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kian-dee itu selaras dengan hasrat kerajaan bagi memastikan pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Negara yang lebih



RONALD KIANDÉE

Sektor pertanian adalah antara penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara.

“Ia juga bertanggungjawab mengenal pasti intervensi kerajaan untuk mencapai objektif yang disasarkan.”

“Fungsinya seperti penggunaan teknologi terkini, pembiayaan kredit dan aktiviti pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi bagi menjadikan sektor pertanian antara penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara,” menurut kenyataan itu.

Selain itu, jawatankuasa Eksekutif berkenaan akan dibantu oleh empat cadangan kluster berdasarkan perkara yang digariskan dalam kerangka sekuriti makanan negara iaitu ketersediaan, kemampuan, keselamatan dan kestabilan.

“Hasil perbincangan dalam mesyuarat ini akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang akan bersidang di Parlimen pada 12 Ogos depan,” menurut kenyataan tersebut.

strategi dan pelan tindakan berkaitan sekuriti makanan negara untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kelak.

selain penglibatan ahli akademik, pemain industri dan badan bukan kerajaan (NGO).

Menurut kenyataan tersebut, jawatankuasa yang ditubuhkan pada 29 April lalu bertanggungjawab sebagai *coordinating committee* yang mencadangkan

holistik dapat dicapai.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam kenyaataannya berkata, jawatankuasa tersebut mempunyai 17 ahli tetap yang terdiri daripada ketua ketua setiasaha kementerian, ketua-ketua jabatan dan agensi,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN/ KEDAH	25

Nelayan hilang dipercayai jatuh laut

KUALA KEDAH - Seorang nelayan dilaporkan hilang selepas dipercayai terjatuh ke dalam laut ketika menangkap ikan pada jarak kira-kira 4.1 batu nautika utara Pulau Payar awal pagi semalam.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Mahmad Faizal Ahmad berkata, Sub-Pusat Menyelamat Maritim (MRSC) Langkawi telah melancarkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) bermula jam 9.30 pagi semalam.

Menurutnya, mangsa yang hilang masih belum dikenal pasti identitinya namun dipercayai lelaki warganegara tempatan berusia awal 20-an.

“Mangsa dilaporkan keluar ke laut bersama dua lagi nelayan dengan menaiki sebuah bot pukut tunda, namun mangsa disedari hilang pada 8.50 pagi tadi,” katanya dalam satu

kenyataan di sini semalam.

Mahmad Faizal berkata, tekong bot tersebut memaklumkan mangsa menggantikan salah seorang kru yang bercuti dan difahamkan pertama kali bekerja di bot tersebut.

“Sektor pencarian meliputi kawasan seluas 25 batu nautika.

“Buat masa ini, operasi mencari dan menyelamat melibatkan aset laut Maritim Malaysia, Jabatan Perikanan dan beberapa buah bot nelayan tempatan,” katanya.

Menurutnya, dijangkakan agensi lain akan turut serta dalam operasi tersebut.

Mahmad Faizal berkata, orang ramai yang kehilangan ahli keluarga atau mempunyai sebarang maklumat berkaitan diminta menghubungi Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Kuala Kedah di talian **04-731 0579**.



Anggota MRSC menjalankan operasi mencari dan menyelamat seorang nelayan yang terjatuh ke laut berhampiran Pulau Payar awal pagi semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL	24

Maqis rampas tujuh kilogram produk tenusu bernilai RM3,190.45

SELANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas tujuh kilogram (kg) produk tenusu bernilai RM3,190.45 yang cuba dibawa masuk ke negara ini untuk dijadikan yogurt.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, hasilan haiwan cuba dibawa masuk dari Denmark itu didapati tidak mempunyai permit import dikeluarkan Maqis.

Menurutnya, perbuatan itu menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan-Malaysia 2011 (Akta 728).

“Hasil pemeriksaan pegawai di pintu masuk kargo Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) semasa pengisytiharan dilakukan mendapati dagangan yang dibawa tersebut tidak mempunyai sebarang permit import.

“Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali. Dagangan tersebut disita untuk tindakan selanjutnya,” katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, katanya, Maqis sentiasa menjalankan pemeriksaan bagi setiap keluaran pertanian yang masuk ke negara ini bagi memastikan pengimport dan pengeksport mematuhi peraturan ditetapkan.

Sarawak perkasa sektor pertanian

LAWAS: Sarawak menumpu sektor pertanian, pertanian dan perikanan bagi mencapai status negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Timbalan Ketua Menteri Dato' Amar Awang Tengah Ali Hassan berkata, Agensi Pembangunan Wilayah Utara (NRDA) meluluskan peruntukan khusus bagi menaiktaraf sektor tersebut. Katanya, sebanyak RM5.8 juta diperuntukan bagi membantu petani, penternak dan nelayan menjalankan pelbagai program.

"Jabatan Pertanian memperuntukkan sebanyak RM5.85 juta untuk melaksanakan pebagai program melibatkan 120 peserta, i pada

majlis penyerahan bantuan pertanian Ahad lepas.

Amar Awang Tengah yang juga Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber II berkata, bantuan daripada Jabatan Pertanian akan diagih mulai Ogos secara berperingkat-peringkat melibatkan 2,488 penerima.

Menurutnya juga kerajaan negeri meluluskan peruntukan bagi merealisasikan aspirasi kerajaan menjadikan Limbang sebagai pusat pengeluaran kerbau utama di Sarawak.

"NRDA meluluskan peruntukan menaiktaraf lesen penternakan kerbau berharga RM2 juta dan pusat pembiahan kerbau kos RM7 juta.



Amar Awang Tengah Ali Hassan menyerah bantuan pertanian kepada seorang petani muda.

"Peruntukan sebanyak RM3 juta juga diberi di bawah NRDA untuk menaiktaraf stesen perikanan darat di Punan, manakala RM4 juta membangunkan organic valley di Long Semadoh dan Bakkelalan," ujarnya.

Beliau juga berkata, kerajaan akan mewujudkan pusat pengumpulan hasil Selain itu katanya akan diwujudkan anjung usahawan dan kemudahan di beberapa tempat untuk memasarkan produk dengan melibatkan masyarakat tempatan. - Edisi UKAS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2020	MALAY MAIL	ONLINE	

Former minister Saifuddin asks Putrajaya if it will end Bernas monopoly



Saifuddin said that if Putrajaya plans on ending Bernas' import monopoly, the government should be ready to open up the imports to other players who have the capacity to handle it. — Reuters pic
 KUALA LUMPUR, July 15 — Former domestic trade and consumer affairs minister Datuk Seri Saifuddin Nasution asked the Perikatan Nasional administration whether it will dismantle Padiberas Nasional Bhd's (Bernas) monopoly to import rice.

Speaking at a press conference, the Kulim-Bandar Baharu MP pointed out that if Putrajaya has any intention of following through with the Pakatan Harapan plan to stop the monopoly, it only has a few months left before the contract comes to an end next year.

"The Bernas monopoly is expected to end in 2021. With its monopoly right, Bernas has the right to import nearly one million metric tonnes of rice for Malaysians. Locally, we can only produce up to 70 per cent of our needs.

"That is two million tonnes and our consumption is three million tonnes of rice a year. This is a question of rice supply for the country. Is the government prepared to end it? If they are prepared, they only have a few months left. Do they already have an alternative?" questioned Saifuddin.

He added that if Putrajaya plans on ending Bernas' import monopoly, the government should be ready to open up the imports to other players who have the capacity to handle it.

Earlier during Question Time in Dewan Rakyat, Saifuddin had tried to ask Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee about the matter.

However, Ronald rejected Saifuddin's supplementary question on a technicality, saying it was outside the scope of the original question.

Separately, the Dewan Rakyat's afternoon session began later than the scheduled 2.30pm.

The bell only began ringing at 2.35pm and Jelutong MP RSN Rayer complained over the Speaker's tardiness.

"Pagoh (Tan Sri Muhyiddin Yassin) is already here. The prime minister is here, we must respect the prime minister. This is why we shouldn't change Speakers," said Rayer.

At around 2.37pm, Deputy Speaker Datuk Seri Azalina Othman Said started the session.